



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)



Journal of Language Studies

Academy of Language Studies

Volume 1

June 2005

ISSN 1823-6154

Peranan Bahasa Menangani Cabaran Menjadi Sebuah
Universiti Bertaraf Dunia – Pengalaman Universiti
Teknologi MARA

Md Noh Nyata

The Lecturer's Evaluation Form: A Critical Response
by Students and Lecturers

Julina Munchar
Paul Ang Ban Hock
Choy Tuck Onn
Anna Fung

Human Errors as Functions of Language

Patrick Tourchon

New Times and New Texts: Reconceptualising Literacy
Education for the Twenty-first Century

Moses Samuel
Saratha Sithamparam

A Personal Perspective of an ESP Teacher's
Professional Development

Hawa Rohany

Strategi Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ketiga
Menggunakan Pendekatan Bahasa Inggeris:
Suatu Pengalaman di UiTM

Naimah Abdullah

Sexist Language: Terms of Reference for Women and Men

Ramesh Nair

Apakah Makna Perkataan "Měi" (Cantik)
dalam Bahasa Mandarin?

Neo Kian Sen
Heng Buai Chin

Web-CEPT: A Content Creation Tool for English
Language Teaching

Mohamed Amin Embi
Afendi Hamat

Business Communication: Role and Impact of
Verbs, Nouns, Adjectives and Adverbs

Fatimah Dinna Mohd. Din

Peranan Bahasa Menangani Cabaran Menjadi Sebuah Universiti Bertaraf Dunia – Pengalaman Universiti Teknologi MARA

Md Noh Nyata

Menjadi sebuah universiti bertaraf dunia (UBD) merupakan hasrat hampir semua universiti di Malaysia pada akhir-akhir ini. Universiti Teknologi MARA (UiTM) umpamanya telah merancang dan bertindak untuk menjadi UBD dalam tahun 2006.

Laluan untuk ke tahap itu tidaklah semudah yang dijangkakan. Namun ada di antara universiti tersebut yang telah mula berusaha dengan gigih untuk mencapai hasrat murni masing-masing dengan mengadakan perancangan strategik yang rapi. Mereka yakin bahawa status UBD akan membolehkan sesebuah universiti itu berkembang dengan selesa merentasi global. Akhirnya mereka berharap untuk melahirkan graduan yang mampu bersaing dan menjadi “pemain” utama di pentas antarabangsa.

Mereka juga berpendapat bahawa penerimaan pasaran pekerjaan, dalam dan luar negara, terhadap graduan yang dihasilkan oleh universiti menjadi salah satu kayu ukuran untuk bergelar UBD. Penerimaan ini menandakan bahawa universiti berjaya menghasilkan graduan yang relevan dan berilmu sesuai dengan keperluan pasaran semasa. Universiti akan berasa amat gusar jika graduan yang mereka asuh dan didik menjadi “penganggur elit” yang kelak akan memberi imej negatif kepada kerajaan dan negara keseluruhannya. Dalam waktu yang sama graduan yang terlatih dengan ilmu yang berguna diharap boleh mewujudkan pekerjaan untuk orang lain yang memerlukannya.

Kegagalan graduan berkomunikasi dengan baik serta lemah dalam penggunaan bahasa merupakan di antara sebab-sebab penyumbang kepada keadaan ini. Fenomena ini perlu diberi perhatian segera kerana Malaysia mahu menjadikan rakyatnya bukan hanya sebagai “jaguh kampung” tetapi menjadi “pemain aktif” di persada dunia. Banyak perkara yang perlu diubah suai

dan universiti perlu dare to fail or dare to change dalam semua tindakannya. Semua sistem dan polisi yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam bidang bahasa memerlukan penambahbaikan yang berterusan bersesuaian dengan keperluan semasa. Jelas bahawa bahasa memainkan peranan penting dalam perkembangan baru ini.

Pendahuluan

Pada akhir-akhir ini terdapat kecenderungan universiti-universiti di Malaysia untuk menjadi universiti bertaraf dunia (world class university – WCU). Ada di antaranya yang telah mengakui bahawa mereka sebenarnya telah bertaraf dunia. Universiti Teknologi MARA (UiTM) umpamanya telah membuat perancangan untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia (UBD) pada tahun 2006. Sebagai sebuah universiti yang menjalankan fungsi pengimbang dasar pembangunan negara, rancangan UiTM ini merupakan suatu hasrat murni dan tepat pada masanya. Usaha ini perlu diberi sokongan penuh khasnya oleh semua warga universiti berkenaan.

Sokongan padu daripada segenap lapisan warga UiTM daripada pemandu hinggalah kepada DYMM Tuanku Canselor, menunjukkan bahawa UiTM amat optimistik untuk berjaya mencapai hasrat murninya itu. Namun demikian cabaran-cabaran yang terpaksa mereka hadapi kelak tidak kurang banyaknya dan laluannya pula mungkin tidak selicin yang disangkakan. Walau apa pun, program Penstrukturan Semula UiTM 2001 – 2010 yang dilancarkan baru-baru ini cukup menjadi bukti bahawa hasrat universiti tersebut untuk menjadi UBD pada tahun 2006 adalah serius dan telah dirancang dengan baik. Visi dan Misi barunya jelas menunjukkan bahawa mereka sememangnya berhasrat tinggi untuk menembusi pasaran antarabangsa, menjadi “pemain” di peringkat global dan *dare to fail or dare to change*.

Pengiktirafan daripada beberapa badan profesional dari dalam dan luar negeri terhadap program-program UiTM selama ini yang mengatasi tahap biasa memberi rangsangan dan keyakinan penuh kepada UiTM untuk mencapai cita-cita murninya menjadi sebuah universiti bertaraf dunia pada tahun 2006. Bermula sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang memberi fokus kepada pengajaran (teaching) pada tahun 1956, kini UiTM telah mula menonjolkan dirinya sebagai sebuah universiti penyelidikan (research university) dengan beberapa *niche*

areas. Dalam tahun 2002 sahaja, UiTM telah berjaya melonjak sehingga 700% dalam peratusan projek-projek penyelidikan. Ini merupakan suatu anjakan yang amat-amat menggalakkan. Dalam tahun yang sama, UiTM juga telah menunjukkan belangnya dalam bidang penerbitan sehingga meningkat sebanyak 400%. Jika momentum ini dapat terus dikekalkan, maka usaha untuk menjadi UBD dalam tahun 2006 bukanlah merupakan “angan-angan Mat Jenin” buat UiTM tetapi lebih merupakan suatu cita-cita murni berlandaskan kenyataan dan kemampuan yang bukan kepalang.

Perbincangan kertas ini hanya akan meninjau persoalan bagaimana bahasa boleh memainkan peranan membantu sesebuah universiti awam atau IPTA di Malaysia menjadi sebuah UBD. Ianya dikaitkan dengan peranan bahasa dalam membantu graduan universiti mendapat pekerjaan di dalam dan di luar negara.

Isu Pasaran Kerja Graduan Universiti

Terdapat perkaitan di antara keupayaan mendapatkan pekerjaan oleh para graduan universiti dengan cita-cita untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.


UiTM Bertaraf Dunia 2006... sungguhpun aspek prasarana penting, ada aspek lain yang perlu diberi perhatian serius dalam mencapai matlamat itu. “Aspek ini ialah mengeluarkan graduan yang laris dalam pasaran kerja dalam dan luar negara... langkah seterusnya ialah memastikan graduan universiti ini terus laku di pasaran kerja dalam dan luar negara...”

*Dato’ Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor UiTM
(Pendidikan : Utusan Malaysia 7/4/04)*

Kenyataan yang diberikan oleh Naib Canselor UiTM di atas menunjukkan bahawa elemen mendapatkan pekerjaan untuk para graduan UiTM merupakan di antara perkara penting yang perlu diberi perhatian segera. Semoga dengan itu hasrat untuk merealisasikan usaha menjadikan UiTM sebuah UBD dalam tahun 2006 akan menjadi suatu kenyataan. Ini juga bererti bahawa proses pengglobalisasian UiTM akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Hasil soal selidik yang dilakukan ke atas para graduan UiTM semasa konvokesyen (selepas enam bulan tamat pengajian) sejak dari akhir 1997 hingga awal 2003, (lihat Rajah I di bawah) menunjukkan terdapatnya

satu *trend* kadar pengangguran hingga setinggi 24.1% (1999) dan 21.9% (2003) bagi keseluruhan graduan UiTM. Sekalipun di segi peratusannya angka ini tidaklah terlalu besar namun jika dilihat kepada jumlahnya yang sebenar amatlah membimbangkan. Ini merupakan suatu kerugian besar kepada pelaburan negara Malaysia. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan, kesannya kelak akan menyebabkan lunturnya kepercayaan rakyat Malaysia khususnya dari kalangan orang Melayu dan bumiputera terhadap kerajaan. Oleh itu faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan ini perlu dikenal pasti segera supaya langkah-langkah penambahbaikan dapat diambil secepat mungkin. Fungsi UiTM sebagai pengimbang dasar pembangunan negara juga akan dapat dikekalkan.



Rajah I: Kadar Pengangguran Graduan UiTM (1997 – 2003)

Sumber : Kajian Penempatan Graduan UiTM 1997 – 2003
(Bahagian Perancangan Strategik UiTM)

Kajian Analisis Iklan Jawatan yang dilakukan oleh Bahagian Perancangan Strategik UiTM terhadap beberapa majikan dalam negara, menunjukkan pula bahawa terdapat lima kemahiran atau kepakaran utama yang diberi perhatian oleh para majikan di Malaysia dalam memilih para pekerjaanya:

- Kemahiran khusus bagi bidang berkenaan
- Mahir menggunakan komputer
- Bekerja di bawah pengawasan minimum

- d) Berkomunikasi dengan baik dalam semua peringkat, dan
- e) Bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik

Pada dasarnya kegagalan para graduan universiti menguasai kemahiran atau kepakaran di atas akan boleh menggagalkan mereka untuk mendapat pekerjaan kelak.

Dua daripada kemahiran-kemahiran atau kepakaran-kepakaran tersebut melibatkan aspek bahasa iaitu d) berkomunikasi dengan baik dalam semua peringkat, dan e) bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik. Jelaslah bahawa aspek bahasa perlu diberi perhatian segera di dalam perancangan strategik universiti jika mahukan para graduannya laris dalam pasaran pekerjaan kelak. Keadaan ini bertambah mencabar lagi sekiranya pasaran pekerjaan di luar negara diambil kira. Sudah pasti penguasaan bahasa asing dan mengenali budayanya sekali, amat diperlukan oleh para graduan universiti untuk dapat turut sama memasuki pasaran pekerjaan di peringkat global. Sekiranya semua kekangan ini dapat diatasi, ianya akan memberi imej UBD kepada universiti selaku “pengeluar” graduan-graduan tersebut.

Dapatan awal *The Study on the Employability of Malaysian Graduates* yang disediakan untuk *The National Economic Action Councils (NEAC)* pula menunjukkan bahawa graduan tempatan didapati sukar mendapat pekerjaan kerana para majikan mendapati bahawa graduan tempatan:

- a) mengambil kursus-kursus yang tidak diperlukan oleh pasaran
- b) mempunyai tahap kemahiran berkomunikasi yang lemah terutama dalam bahasa Inggeris
- c) kurang keupayaan berfikir secara inovatif dan kritikal, dan
- d) kurang pengalaman dalam *industrial attachment*.

Faktor seperti perkara b) di atas, sekali lagi menunjukkan bahawa aspek bahasa perlu diberi perhatian serius dalam merancang strategi-strategi penambahbaikan untuk menjayakan usaha universiti mencapai tahap UBD dalam tempoh terdekat ini.

Peranan Bahasa dalam Pembangunan Ummah Islam

Pembangunan ummah Islam di dalam perbincangan mengenai hala tuju dan masa depan universiti khususnya di UiTM tidak boleh diabaikan kerana majoriti kaum bumiputera yang menjadi sasaran universiti tersebut

adalah beragama Islam. Tambahan pula agama Islam itu sendiri telah dicatatkan di dalam Perlembagaan Negara Malaysia sebagai agama rasmi negara. Agama Islam pula telah menegaskan dengan jelas kepada ummahnya mengenai peranan bahasa dalam proses pengglobalisasian mereka. Secara tegas agama Islam menggalakkan ummahnya untuk terlibat dalam proses merentasi global agar ummahnya lebih terbuka dan sentiasa berusaha untuk mengembangkan agama Islam ke serata pelosok dunia.

Gesaan agama Islam “Tuntutlah ilmu sekalipun ke negara China” secara tidak langsung menunjukkan bahawa agama Islam menggalakkan umatnya agar keluar daripada kepompong masing-masing supaya dapat mengenali dan menilai budaya asing serta menguasai bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa ibunda mereka. Dengan itu mereka akan dapat memperkasakan dan mengembangkan lagi ilmu mereka sambil meluaskan pengalaman dalam proses pengglobalisasian. Secara tidak langsung ianya akan menambah keyakinan diri para graduan muslim khususnya untuk menghadapi dunia luas yang kian mencabar dan *sophisticated* ini.

Untuk lebih memberi kesan lagi terhadap usaha-usaha pengglobalisasian ini, agama Islam juga berpesan “Sesiapa yang mempelajari (menguasai) bahasa sesuatu kaum maka amanlah ia daripada tipu helah kaum yang berkenaan”. Keupayaan graduan universiti berbahasa dalam banyak bahasa ini jika digabungkan secara efisien dengan ilmu-ilmu terkini dan teknologi-teknologi semasa yang canggih akan membolehkan mereka nanti menempuhi cabaran-cabaran dengan penuh keyakinan. Akhirnya, mereka akan boleh menjadikan universiti sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Kedudukan Bahasa Inggeris di Malaysia

Sebagai bekas tanah jajahan British buat sekian lama, negara Malaysia bukan sahaja telah berjaya menerapkan beberapa faktor positif penjajah tersebut dalam kehidupan rakyatnya malah rakyat Malaysia juga telah mampu menguasai bahasa Inggeris hampir-hampir sebagai bahasa ibunda atau bahasa pertama di Malaysia. Penggunaan beberapa sistem pemerintahan Inggeris selepas kemerdekaan seperti penggunaan sistem-sistem perundangan, pendidikan, pentadbiran dan lain-lain lagi menjadi sesuatu yang biasa pada ketika itu. Namun demikian, secara perlahan-lahan keadaan ini kian berubah mengikut perkembangan semasa yang

berlaku di dalam dan di luar negara Malaysia. Oleh itu sudah kedapatan sekarang sistem kewangan dan perbankan baru telah menggantikan sistem kewangan dan perbankan Inggeris yang lama.

Kedudukan bahasa Inggeris di Malaysia juga kini telah bertukar menjadi *English as a Second Language (ESL)*. Di beberapa tempat khususnya di kawasan-kawasan pedalaman Malaysia, bahasa Inggeris telah bertukar menjadi *English as a Foreign Language (EFL)*. Perubahan ini menyebabkan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris turut berubah. Perkembangan ini juga sekaligus mengurangkan peranan bahasa Inggeris dalam masyarakat Malaysia. Bahasa Inggeris tidak lagi menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa komunikasi negara selepas beberapa tahun kemerdekaan Malaysia.

Keadaan ini telah berlaku hampir setengah abad lamanya iaitu sejak dari tarikh kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957. Tidak hairanlah bahawa penguasaan bahasa Inggeris di kalangan generasi kedua selepas kemerdekaan tidak lagi sebaik penguasaan bahasa Inggeris generasi sebelumnya. Malah ada di antara generasi muda Malaysia kini yang tidak lagi mampu langsung berbahasa Inggeris khususnya di luar bandar. Bagi mereka yang di bandar pula, mereka lebih senang menggunakan bahasa Inggeris “rojak” yang mencampuradukkan bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu ataupun sebaliknya. Maka timbullah jolokan bahasa Inggeris ala Malaysia (MANGLISH). Fenomena ini sememangnya mengkusarkan hampir seluruh rakyat Malaysia kerana penguasaan bahasa Inggeris yang baik amat diperlukan segera oleh rakyat Malaysia bagi membolehkan mereka menjadi “pemain” utama di pentas dunia. Sama ada disedari atau tidak, bahasa Inggeris telah menjadi bahasa dunia yang diperlukan oleh semua.

Sejajar dengan perkembangan tersebut, mulai dari awal tahun 2002, bahasa Inggeris telah digunakan semula di sekolah-sekolah sebagai bahasa pengantar bagi dua mata pelajaran teras, Sains dan Matematik sekalipun Bahasa Melayu masih kekal sebagai bahasa rasmi pendidikan di Malaysia. Bagi UiTM pula, penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar diteruskan dengan penuh cabaran sekalipun ianya telah diamalkan sejak dari penubuhan UiTM dalam tahun 1956. Apa yang agak membimbangkan ialah terdapatnya sebilangan tenaga pengajar khususnya tenaga pengajar muda yang agak lemah penguasaan bahasa Inggerisnya. Keadaan ini menjadi bertambah “celaru” lagi kerana penguasaan bahasa Inggeris para pelajar yang memasuki universiti juga amat lemah dan membimbangkan khususnya mereka yang datang dari kawasan luar bandar.

Kedudukan Bahasa Ketiga/Asing di Malaysia

Di samping penguasaan bahasa Inggeris, turut diperkatakan juga ialah penguasaan bahasa-bahasa lain yang dikategorikan sebagai Bahasa Ketiga atau Bahasa Asing. Ini sejajar dengan gesaan agama Islam “Sesiapa yang mempelajari (menguasai) bahasa sesuatu kaum maka amanlah ia daripada tipu helah kaum yang berkenaan” seperti yang dinyatakan pada awal tadi. Bagi UiTM, pengajaran bahasa ketiga atau bahasa asing ini telah dikuatkuasakan semula pada pertengahan tahun 1999. Bahasa Ketiga ini telah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib kepada semua pelajar Ijazah Sarjana Muda sebagai Keperluan Universiti di bawah Peraturan Akademik UiTM yang baru. Setakat ini lapan bahasa utama dunia (Eropah dan Asia) ditawarkan di bawah peraturan baru ini. Beberapa bahasa lain seperti bahasa-bahasa Sepanyol dan Rusia akan juga ditawarkan dalam masa terdekat ini.

Mengikut sumber rasmi daripada Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM, beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan lain juga telah mengambil inisiatif yang serupa seperti yang dilaksanakan oleh UiTM. IPTA ini telah mendapatkan khidmat perundingan APB, UiTM untuk melaksanakan program pengajaran bahasa ketiga di universiti mereka masing-masing. Dilaporkan juga bahawa bahasa Mandarin adalah merupakan di antara bahasa-bahasa asing yang paling dominan di dalam perkembangan terbaru ini. Ini mungkin disebabkan oleh polisi pintu terbuka kerajaan negara China pada akhir-akhir ini. Di samping itu penglibatan aktif bangsa China dalam kegiatan-kegiatan ekonomi di seluruh dunia juga mungkin merupakan faktor penyebab kepada dominasi bahasa Mandarin ini.

Kepentingan menguasai bahasa-bahasa asing ini kian dirasai bukan sahaja oleh kerajaan malah oleh seluruh masyarakat umum di Malaysia dari pelbagai latar belakang. Terdapat umpamanya beberapa kumpulan agama Islam di rantau ini yang dahulunya memberi fokus kepada bahasa Arab semata-mata kini telah memperluaskan skop keperluan bahasa mereka dengan memasukkan beberapa lagi bahasa-bahasa asing lain seperti bahasa-bahasa Inggeris, Melayu, Mandarin, Perancis, Sepanyol, Rusia dan lain-lain lagi. Perkembangan yang sama juga berlaku dalam kumpulan agama-agama lain seperti Kristian umpamanya. Di peringkat global, kumpulan-kumpulan ini menerapkan kepentingan bahasa-bahasa asing lain bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah masing-masing dengan lebih berkesan lagi.

Strategi Penambahbaikan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa di Universiti

Jelas terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa di IPTA Malaysia. Oleh itu beberapa strategi penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya bahasa Inggeris perlu difikirkan segera. Sekali lagi cabaran *dare to fail or dare to change* perlu diambil perhatian dan dilaksanakan. Secara umumnya perkembangan semasa aspek bahasa sejajar dengan aspirasi untuk memasuki era baru akan memerlukan penglibatan dan perubahan drastik mengenai beberapa perkara penting. Antaranya ialah perubahan mengenai dasar bahasa, anjakan paradigma semua lapisan masyarakat menghadapinya, pengalihan fokus dan dasar bajet negara, penggunaan peralatan canggih yang efisien dan ekonomikal, dan lain-lain lagi. UiTM pula yang merancang untuk menjadi sebuah UBD dalam tahun 2006, perlulah mengambil kira cabaran-cabaran dari aspek bahasa ini dalam program Penstrukturan Semula UiTM 2001 – 2010.

Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) universiti pula perlu mengumpul seluruh tenaga dan memerah otak untuk mengkaji semula kesesuaian kurikulum yang sedia ada tanpa menjejaskan kualitinya. Proses pensijilan ISO 9001:2000 dalam aspek pengajaran dan pembelajaran khususnya perlu diusahakan segera. Namun demikian sijil ISO 9001:2000 sahaja tidak akan membawa apa-apa makna jika hanya dijadikan sebagai bahan pameran dan hiasan yang digantung di seluruh dinding dan ruang pameran universiti. Apa yang penting ialah seluruh warga universiti dikehendaki memahami dan menghayati inti pati serta semangat daripada pensijilan tersebut agar tidak hanya menjadi “indah khabar dari rupa” sahaja khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Aspek pengajaran bahasa yang berkesan haruslah diberi perhatian segera. Tenaga pengajar yang dikehendaki mengajar semua kursus dalam bahasa Inggeris hendaklah melaksanakan tugas-tugas tersebut dengan baik. Yang lemah terpaksa diberi latihan manakala yang “gagah” dikehendaki membantu yang lain-lainnya. Akademi Pengajian Bahasa (APB) UiTM umpamanya, yang terlibat terus dalam pengajaran bahasa khususnya bahasa Inggeris di seluruh sistem UiTM haruslah menyemak semula kurikulumnya agar bersesuaian dengan perkembangan semasa. Kaedah *Chalk and Talk* tidak lagi dapat menarik pelajar bahasa dewasa ini. Tambahan pula kumpulan pelajar sekolah menengah yang pertama

belajar mengikut kurikulum baru mata pelajaran teras Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang diperkenalkan semula dalam tahun 2002 itu akan mula memasuki IPTA dalam tahun 2007 ini.

Bahagian Pengambilan Pelajar universiti pula hendaklah memastikan bahawa syarat kemasukan ke universiti memerlukan pencapaian gred terbaik bahasa Inggeris dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan *Malaysian University English Test* (MUET). Pelaksanaan segera syarat ini perlu disegerakan. Terdapat satu dua buah IPTA Malaysia yang telah menerima pakai syarat kemasukan bahasa Inggeris yang baru iaitu Band 3 MUET sebagai syarat minima bahasa Inggeris untuk masuk ke semua fakulti kecuali Fakulti Undang-Undang dan Perubatan yang memerlukan Band 5. Oleh itu mana-mana IPTA yang masih belum lagi mensyaratkan Lulus dengan Kepujian dalam bahasa Inggeris SPM dan mendapat *band* “baik” dalam MUET sebagai syarat minimum memasuki mana-mana program universiti, mereka hendaklah segera mengkaji perkara ini. Keadaan ini jika dibenarkan berterusan tanpa pembaikan sudah pasti akan mengundang bencana di hari muka yang akan menjelang tidak berapa lama lagi.

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia universiti pula harus mengkaji semula dasarnya agar sumber tenaga manusia yang diperolehi kelak mampu menempuh cabaran berat yang mendatang dan mampu pula memikul tanggungjawab yang kian bertambah. Latihan-latihan perlu diadakan dari masa ke masa bersesuaian dengan perkembangan semasa yang bergerak pantas. Penguasaan bahasa di kalangan tenaga pengajar khususnya dalam bahasa Inggeris harus diberi keutamaan dan penekanan segera. Adalah lebih baik jika keupayaan menguasai banyak bahasa dapat turut ditekankan tanpa melupakan penguasaan bahasa kebangsaan negara, bahasa Melayu.

Dasar “siapa cepat dia dapat, siapa perlahan dia ketinggalan, dan siapa culas dia terkilas” harus diserapkan di benak setiap warga universiti mulai sekarang agar tidak terjebak kemudian hari. Di samping itu aspek motivasi pekerja hendaklah juga tidak dilupakan agar mereka sentiasa terangsang untuk maju ke hadapan sejajar dengan cabaran dan harapan universiti untuk menjadi sebuah UBD. Sepatutnya tidak ada lagi konsep “makan nak sedap bayar nak murah” di dalam pemikiran pegawai-pegawai kanan bahagian pembangunan sumber manusia yang menggubal dasar pembangunan dan pengambilan tenaga kerja universiti. Para pensyarah yang berkelulusan tinggi dalam bidang masing-masing sahaja tidak mencukupi untuk menghadapi cabaran di hari muka tanpa mempunyai kemahiran berkomunikasi dan berbahasa yang baik. Haruslah

diingat bahawa para pensyarah adalah merupakan model yang bakal diteladani oleh anak-anak didik mereka.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) universiti pula yang mengawasi terus kegiatan dan hal ehwal pelajar di universiti perlu memikirkan agar teras akademik itu diserapkan dan tidak dilupakan langsung dalam kegiatan hariannya. Kegiatan-kegiatan kokurikulum perlu diberi “input akademik” agar ia benar-benar menjadi kegiatan sokongan untuk memperkukuhkan program teras akademik universiti. Penggunaan bahasa Inggeris di kolej-kolej kediaman pada satu-satu hari yang ditetapkan, seperti hari Khamis sebagai hari bahasa Inggeris di seluruh jabatan kerajaan negeri Selangor, benar-benar memberikan impak positif. Kita tidak mahu kempen ini mendatangkan kesan negatif sehingga menyebabkan kakitangan kerajaan dan orang ramai tidak mahu bercakap atau “menjadi bisu” pada hari tersebut hanyasanya kerana malu dan segan berbahasa Inggeris pada hari Khamis seperti yang disarankan oleh kerajaan negeri Selangor dalam kempen berbahasa Inggerisnya baru-baru ini.

Kegiatan-kegiatan di luar waktu kuliah yang boleh merangsang pelajar menggunakan bahasa dengan baik perlu diberi perhatian. Pengwujudan “Astaka Lingua” sebagai pentas penggunaan bahasa secara terbuka dan “bebas” bukan sahaja akan menggalakkan para pelajar berbahasa dengan baik malah pada waktu yang sama akan dapat menaikkan minat serta tahap keyakinan diri mereka. Di samping itu kegiatan-kegiatan ini juga akan membolehkan para pelajar universiti berfikir secara rasional, kritikal dan lebih terbuka.

Kesimpulan

Apa sahaja cabaran akan menjadi beban kepada universiti jika tidak disedari, dianalisis dan dilakukan sesuatu mengenainya. Sebaliknya cabaran boleh berfungsi sebagai penggerak kepada kita semua untuk maju ke hadapan jika ditangani dengan baik dan bijaksana. Seberat mana sekalipun cabaran yang dihadapi akan dapat diatasi dengan jayanya berkat usaha sama yang erat bersesuaian dengan pantun lama Melayu “Pisang sesikat sayur sebelanga, tanda sepakat bekerja sama-sama”. Insya-Allah dengan semangat kerja berpandukan kepada slogan “ke bukit sama didaki, kelurah sama dituruni” akan membantu universiti memenuhi cita-cita murninya untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia (UBD) kelak melalui penggabungan kemahiran berbahasa dengan berbagai-bagai ilmu dan pelbagai kemahiran.

Bibliografi

A.C. Nielson (2003). *Preliminary Finding of Study on the Employability of Malaysian Graduates*. The National Economic Action Council (NEAC), Kuala Lumpur, Malaysia.

Billi P.S. Lim (2003). *Dare to Fail*. www.daretofail.com

Dewan Bahasa dan Pustaka (1992). *Kamus Dewan (Edisi Baru)*. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd, Kuala Terengganu.

Ibrahim Abu Shah (2004). *UiTM Bertaraf Dunia 2006*. Pendidikan: Utusan Malaysia, Kuala Lumpur Malaysia.

ILQaM UiTM (2003). *Penstrukturan Semula UiTM 2001 – 2010, Ke Arah Universiti Unggul Bertaraf Dunia*. Unit Percetakan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM, Shah Alam, Selangor.

MD NOH NYATA is an Associate Professor at the Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA. He has been a German language lecturer for almost twenty years. He holds a B.A. (double major) in Germanic Studies and Near Eastern Language & Culture (Arabic) and an M.A. in Applied Linguistics from the USA.